

## Politik Kepembangkangan di Malaysia

Zaheruddin Othman

Muhammad Fuad Othman

### Abstrak

*Pergolakan politik Malaysia sering mendapat perhatian daripada banyak pihak. Antara mereka yang terbabit ialah ahli politik, ahli akademik, pengkaji sosial, wartawan, dan orang awam. Mereka ini sentiasa membuat analisis atas sesuatu isu politik mengikut bidang kepakaran dan pemahaman masing-masing. Analisis yang dibuat seringkali diterbitkan dalam akhbar, jurnal, laporan rasmi dan sebagainya. Malah turut disiarkan dalam media massa seperti televisyen dan internet. Namun begitu, keghairahan mereka membuat analisis atas isu-isu politik semasa kerap kali tersasar dari realiti sebenar politik Malaysia. Hal ini disebabkan kesilapan mereka menggunakan alat yang tidak tepat ketika melakukan analisis tersebut. Di Malaysia, sistem politik sebenar yang diamalkan ialah politik sistem sebuah parti dominan. Justeru, penganalisis isu-isu politik seharusnya menggunakan alat analisis berasaskan pemahaman bahawa Malaysia mengamalkan politik sistem sebuah parti dominan. Malangnya ramai penganalisis menggunakan alat analisis berasaskan pemahaman bahawa Malaysia mengamalkan politik sistem dua parti sebagaimana terdapat di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Akibat dari kesilapan menggunakan alat analisis yang tidak tepat, pemahaman masyarakat tentang pergolakan politik Malaysia juga tidak tepat. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk meninjau pergolakan politik dalam sistem sebuah parti dominan, hal ini dikenali sebagai “politik kepembangkangan”. Objektif tulisan ini pertama, meneliti politik kepembangkangan berasaskan kepada sistem sebuah parti dominan dengan politik sistem dua parti; kedua, bagaimanakah aktiviti bangkang membankang (kepembangkangan) berlaku di Malaysia.*

## **Pengenalan**

Di Malaysia, senario politik semasa terutama yang melibatkan hubungan parti pemerintah dengan pembangkang sering mendapat perhatian banyak pihak. Pihak yang sering terbabit memberi pandangan terdiri daripada wartawan akhbar, penganalisa bebas, ahli akademik, tokoh-tokoh veteran dan sebagainya. Mereka ini akan membuat pandangan dan analisis berdasarkan kepada bidang kepakaran masing-masing. Di antara isu yang sering mendapat perhatian besar di kalangan mereka ialah tentang kegiatan bangkang membangkang di antara kedua-dua parti tersebut. Lazimnya kebanyakan dari mereka mengandaikan kegiatan bangkang membangkang di antara parti politik di Malaysia adalah sama seperti mana terdapat di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Justeru itu, andaian dan analisis yang mereka lakukan seringkali berasaskan kepada pendekatan Barat yang mengandaikan bahawa kedudukan parti pembangkang adalah setara dengan parti pemerintah.

Akan tetapi, pada hakikatnya senario bangkang membangkang di antara kedua-dua parti tersebut bukanlah bersandar kepada sistem parti politik sebagaimana terdapat di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Sebaliknya, di Malaysia sistem politik kepartian adalah berdasarkan kepada penguasaan sebuah parti politik dominan (UMNO dan Barisan Nasional). Akibat dari kesilapan analisis yang menggunakan pendekatan sistem dua parti sebagaimana di United Kingdom dan Amerika Syarikat, hasil analisis seringkali tersasar, kabur dan mengelirukan para pembaca. Kesilapan ini bukanlah satu perkara pelik kerana kecenderungan pengkaji politik yang sering terdedah kepada pendekatan dikotomi - *ruling party vs opposition party*.

Tulisan ini akan membincangkan dua perkara. Pertama, apakah perbezaan kegiatan bangkang membangkang dalam sistem politik dua parti dan sebuah parti dominan; dan kedua, bagaimanakah politik bangkang membangkang (kepembangkangan) berlaku di Malaysia?

## **Kepembangkangan**

Kepembangkangan dari segi bahasa boleh dirujuk kepada sebarang bentuk tindakan atau aktiviti yang mempunyai unsur membangkang, menentang, menyangkal, menyanggah, menolak, menongkah, menampik dan mendahagi (Tesaurus Bahasa Melayu Dewan 1998). Manakala Shamsul A.B (2003) mendefinisikan kepembangkangan tanpa merujuk kepada pembangkang semata-mata sebaliknya kepada segala bentuk pembangkang dan kepembangkangan yang merentasi sempadan kepartian. Berdasarkan kepada dua pengertian di atas, konsep kepembangkangan dapat dimengertikan berdasarkan kepada dua perkara. Pertama, dari segi bahasa maksud kepembangkangan lebih cenderung kepada aspek tindakan yang dilakukan oleh sesuatu pihak. Kedua, dari segi politik kepembangkangan secara relatif dilihat dari segi bentuk dan penggunaan ruang di mana tindakan-tindakan kepembangkangan itu berlaku.

Dari segi bentuk, kepembangkangan dapat dilihat dari segi tindakan seperti keluar parti dan menubuhkan parti baru, menghantar memorandum bantahan, membuat dan mengedarkan surat layang, berdemonstrasi, bertanding sebagai calon parti pembangkang dalam pilihan raya, memulaukan majlis, mogok, mengadakan undi tidak percaya, berkempen menentang pucuk pimpinan organisasi, merasuah, memberontak dan sebagainya. Dalam sesebuah organisasi atau parti politik, tindakan kepembangkangan bergantung kepada dua keadaan. Pertama, kepembangkangan yang berlaku dalam ruang dan bentuk yang dibenarkan; dan kedua, kepembangkangan yang berlaku dalam bentuk dan ruang yang tidak dibenarkan mengikut undang-undang dan peraturan negara serta organisasi kepembangkangan itu berlaku. Hal ini juga membawa makna bahawa tidak semua aktiviti kepembangkangan yang mungkin sah di sisi undang-undang diizinkan berlaku dalam sesebuah organisasi dan begitu juga sebaliknya.

Tindakan kepembangkangan dalam sesebuah organisasi mahupun parti politik sama ada yang dibenarkan atau pun sebaliknya, dapat dibahagikan kepada dua iaitu kepembangkangan menegak dan kepembangkangan mendatar. Kepembangkangan

menegak merujuk kepada aktiviti-aktiviti kepembangkangan yang berlaku antara dua pihak yang berbeza kedudukan dalam organisasi. Misalnya, pihak atasan (pihak pengurusan-majikan) dengan pihak bawahan (pekerja bawahan) dalam sesebuah organisasi. Manakala kepembangkangan mendatar merujuk kepada aktiviti kepembangkangan yang melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak pada satu aras kedudukan yang sama. Shamsul A.B (2003) membezakan politik kepembangkangan di Malaysia dari segi strukturnya yang dapat dibahagikan kepada beberapa lapisan. Pertama, politik kepembangkangan antara BN dengan Barisan Alternatif/Pakatan Rakyat; kedua, lapisan dalaman BN; ketiga, lapisan dalaman parti komponen BN; keempat, lapisan dalaman parti pakatan pembangkang; kelima, lapisan dalaman parti komponen pembangkang; dan keenam, lapisan akar umbi antara kawasan bandar dan luar bandar.

### **Kepembangkangan dalam Sistem Politik Dua Parti**

Fenomena politik kepembangkangan dalam sistem dua parti lebih dikenali umum dan sering dijadikan alat untuk menilai fenomena politik kepembangkangan di kebanyakan negara. Hal ini bukanlah satu perkara asing kerana fenomena politik kepembangkangan dalam sistem dua parti sebagaimana di Amerika Syarikat dan United Kingdom sering dijadikan rujukan dan kayu ukur oleh pengkaji-pengkaji politik di seluruh dunia.

Lipson (1953) menyatakan sesebuah negara itu dikenali sebagai pengamal politik sistem dua parti apabila memenuhi tiga syarat berikut. Pertama, terdapatnya tidak lebih dua parti pada satu masa yang benar-benar memiliki peluang memenangi pilihan raya; kedua, salah satu dari dua parti itu mampu memenangi kerusi dalam dewan perundangan untuk menubuhkan kerajaan tanpa memerlukan sokongan dari parti ketiga; dan ketiga, selama beberapa dekad kedua-dua parti itu saling bertukar ganti menerajui kerajaan.

Selain itu Kapur (1995) menambah dalam sistem dua parti sememangnya wujud barisan kabinet yang tetap dan stabil bagi menerajui pemerintahan. Hal ini bermakna

jika mereka menang dalam pilihan raya, parti berkenaan tanpa ragu-ragu mampu menjalankan tanggung jawab seperti yang dikehendaki oleh rakyat. Hal ini kerana setiap parti sudahpun tersedia kabinet bayangan sebelum mereka memasuki pilihan raya. Dengan keadaan sedemikian rupa bukanlah satu yang mendatangkan keraguan kepada pengundi pada setiap pilihan raya untuk memilih salah satu parti utama menggantikan parti pemerintah sedia ada.

Hershey (2005) ketika membincangkan sebab-sebab wujudnya sistem dua parti besar di Amerika Syarikat telah memberikan tiga sebab utama. Pertama, wujudnya desakan institusi. Mengambil pendekatan “Duverger’s Law” yang menyatakan bahawa “...single-member districts with plurality elections tend to produce two-party systems”. Hal ini bermakna seorang calon yang mendapat undi terbesar akan memenangi pilihan raya di sesebuah kawasan biarpun tidak memenangi undi majoriti. Di Amerika Syarikat sistem pilihan raya negara tersebut memberikan kemenangan kepada calon yang mendapat undi terbesar biarpun tidak memperoleh undi majoriti. Sistem ini memberi makna bahawa seseorang calon akan menang pilihan raya dengan dua cara iaitu melalui undi majoriti (menang lebih 51% undi) atau menang undi terbesar (plurality) daripada beberapa calon lain yang bertanding. Keadaan sedemikian menjelmakan pemikiran menang semua (winner takes all). Para pengundi menyedari hakikat ini dan mereka lebih bermotivasi untuk memberi undi kepada dua parti utama yang rapat dengan ideologi ataupun fahaman yang dianuti oleh mereka. Akibat dari sistem ini para pengundi berpendapat untuk mengundi parti yang lebih kecil selain dari dua parti utama tidak akan membawa sebarang makna. Hal ini kerana peluang parti ketiga untuk menang adalah tipis. Hal ini meletakkan parti ketiga tidak lebih dari sebuah parti protes.

Kedua, terdapatnya kecenderungan dalam kalangan ahli teori dualistik yang sering membahagikan sesuatu kepada dua. Misalnya, perang saudara di Amerika Syarikat tentang isu perhambaan antara pihak utara dengan selatan. Dalam konteks institusi demokratik, ahli dualistik ini membahagikan antara pihak kerajaan dan pembangkang, liberal dan konservatif, penyokong dan penentang dan sebagainya.


Dengan pemikiran sedemikian rupa pembentukan sistem dua parti besar di Amerika Syarikat adalah sejajar dengan pendekatan dualistik ini.

Ketiga, wujudnya teori kesepakatan sosial. Oleh sebab sejarah Amerika Syarikat tidak melalui episod revolusi yang besar sebagaimana di alami di sesetengah negara Eropah seperti Perancis, rakyat di negara tersebut lebih selesa berkompromi tentang sesuatu hal. Rakyat pada umumnya menerima keadaan sosial, politik dan ekonomi seadanya. Malah mereka turut menerima perlembagaan yang telah digubal bersama-sama struktur kerajaan sedia ada. Hal ini terjadi kerana sejarah Amerika Syarikat itu sendiri yang tidak terikat dengan struktur feudalisme sebagai mana dihadapi di sesetengah negara Eropah. Sehubungan dengan itu, rakyat Amerika Syarikat lebih gemar berkongsi daripada bertarung antara satu sama lain bagi mendapatkan sesuatu. Oleh yang demikian kesepakatan dalam kalangan rakyat itu menjadi begitu penting dan pengekal kepada keadaan ini lebih membuka ruang kepada peranan yang harus dimainkan oleh dua parti besar utama.

Di samping itu satu perkara yang tidak boleh dikesampingkan dalam hal pembentukan dan pengekal sistem dua parti di Amerika Syarikat ialah, wujudnya sokongan dari institusi-institusi yang tidak formal misalnya dari pihak media massa, pengundi setia, keupayaan mendapatkan kewangan dan persepsi awam yang menganggap bahawa parti ketiga tidak berperanan besar dalam politik negara. Kesimpulannya, sistem dua parti ini mempunyai ciri-ciri berikut. Pertama, terdapatnya dua parti besar yang sama-sama mempunyai peluang untuk memenangi pilihan raya; kedua, dua parti yang mampu memilih dan menguasai sejumlah kerusi di dewan perundangan (sama ada dewan rendah mahupun tinggi); ketiga, dua parti ini mampu dilantik untuk menduduki kerusi penting pada peringkat kerajaan seperti jawatan perdana menteri dan menteri-menteri (hal ini kerana mereka sudahpun mempunyai kabinet bayangan sebelum memenangi pilihan raya); dan keempat, kedua-dua parti ini mampu untuk menyertai proses pembentukan undang-undang, dasar dan peraturan (mereka bukan bersifat sebagai parti ketiga yang hanya mampu bertindak sebagai parti protes). Dengan ciri-ciri sedemikian rupa kedua-dua parti mempunyai

kebertanggungjawaban (accountable) yang tinggi kerana kedua-duanya sangat kuat dan saling mampu memikul tugas memimpin negara. Tidak ada ruang untuk salah satu parti memonopoli kuasa. Oleh yang demikian kedua-dua parti sentiasa bersikap sederhana (moderate) sebagai usaha memancing sokongan daripada parti-parti yang lebih kecil.

Berbanding dengan politik kepembangkangan yang berlaku dalam sistem sebuah parti dominan seperti di India dan Jepun, politik kepembangkangan dalam sistem dua parti lebih menjurus kepada persaingan antara dua parti. Persaingan politik dalam sistem dua parti dapat dilihat di beberapa buah negara. Misalnya di Amerika Syarikat antara Democrats Party dengan Republicans Party, di United Kingdom antara Labour Party dengan Conservative Party sementara di Australia antara Liberal Party dengan ALP. Persaingan antara kedua-dua parti ini mencetuskan politik kepembangkangan dan digambarkan menerusi gambar rajah di bawah.



Rajah 3.3 Politik kepembangkangan dalam sistem dua parti

- A1 Parti-parti kecil
- B NGO & Persatuan
- C Media Massa/pengumpul dana
- D Masyarakat siber/individu penting
- Arah tekanan
- ⇨ Arah pertembungan

Dalam sistem dua parti seperti yang terdapat di Amerika Syarikat dan United Kingdom, rakyat berpeluang untuk memilih salah satu dari parti tersebut bagi menerajui pemerintahan negara. Hal ini bergantung kepada beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan parti oleh rakyat. Misalnya, faktor persekitaran tekanan sosial semasa seperti masalah ekonomi, perang atau sebarang masalah pada peringkat nasional. Selain itu, faktor budaya politik iaitu sikap pengundi kepada parti turut mempengaruhi pemilihan rakyat. Faktor lain yang tidak kurang penting ialah sifat semulajadi pengundi (hak mengundi, kepentingan politik, tahap pengetahuan dan pengaruh umur, bangsa, pendapatan dan pendidikan), dan sifat institusi politik iaitu dari sudut struktur perundangan.

Seperti yang digambarkan di atas, dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem dua parti akan mengandungi dua parti iaitu Parti A dan Parti B. Kedua-dua parti ini sejak beberapa dekad sentiasa bersilih ganti menerajui pemerintahan negara. Oleh yang demikian persaingan politik (politik kepembangkangan) antara kedua-dua parti sering mendominasi senario politik negara. Bagaimanapun terdapat beberapa aktor lain yang memainkan peranan masing-masing sama ada menyokong atau menentang kedudukan dua parti tersebut. Aktor-aktor terbabit ialah parti-parti kecil, NGO, persatuan-persatuan, media massa, pengumpul dana dan individu-individu penting dalam negara.

Aktor-aktor yang disebutkan tadi berperanan mempengaruhi kedua-dua parti dengan menghulurkan bantuan dalam segala macam bentuk. Bantuan-bantuan yang diberikan ini dapat ditafsirkan kepada dua jenis. Pertama, bantuan yang dapat



mengukuhkan salah satu parti yang disokong. Sementara yang kedua, bantuan yang dijangka dapat melemahkan kedudukan parti lawan. Bantuan-bantuan ini akan menjadi tekanan kepada kedua-dua parti supaya tuntutan pihak yang membantu dapat dipenuhi.

Dalam usaha menyokong parti masing-masing, aktor-aktor di luar parti secara tidak langsung turut terbabit dengan persaingan sebagaimana dihadapi oleh Parti A dan Parti B. Hal ini membezakan persaingan yang terdapat dalam sistem sebuah parti dominan seperti di India dan Jepun. Persaingan sedemikian rupa turut mengekalkan sistem dua parti dalam politik dan sokongan rakyat terarah kepada dua parti serta peranan aktor-aktor di luar parti, kecenderungan memilih antara dua parti ini akan terus terpelihara. Misalnya terdapat beberapa NGO, aktivis siber dan individu tertentu yang secara terang-terangan menyokong polisi-polisi yang diperjuangkan oleh parti-parti besar. Tindakan mereka ini memberi kesan kepada persepsi pengundi untuk berubah dengan mengundi parti-parti yang diperjuangkan oleh mereka.

Namun begitu terdapat juga pengecualian dalam beberapa keadaan. Misalnya, kewujudan parti-parti kecil dalam pilihan raya seperti di Amerika Syarikat lebih kepada perjuangan atas sesuatu isu. Contohnya, Green Party yang lebih menumpukan kepada isu alam sekitar, keamanan dan keadilan sosial. Umumnya, parti-parti kecil ini ditubuhkan berdasarkan kepada tiga faktor. Pertama, kewujudannya adalah serpihan dari dua parti yang dipimpin oleh tokoh-tokoh tertentu; kedua, penubuhan disebabkan oleh perjuangan kepada sesuatu isu seperti keamanan, kebebasan; dan ketiga, penubuhan berasaskan ideologi-ideologi tertentu.

Secara ringkasnya berdasarkan kepada gambar rajah di atas, politik kepembangkangan dalam sistem dua parti lebih tertumpu kepada persaingan antara dua parti. Kedua-dua parti tersebut masing-masing disokong oleh beberapa aktor yang berkepentingan. Aktor-aktor tersebut wujud dalam bentuk parti-parti kecil, NGO, media massa, pengumpul dana, masyarakat siber (bloggers, laman web dan lain-lain) dan individu-individu penting. Aktor-aktor di luar kedua-dua parti akan memainkan peranan dalam mengukuhkan sokongan kepada salah satu parti itu. Peranan ini

dimainkan dengan harapan apabila parti yang disokong menang maka kepentingan aktor-aktor itu tadi akan dapat dipelihara dan dipenuhi.

### **Kepembangangan dalam Sistem Sebuah Parti Dominan**

Satu parti yang dikira dominan dalam pemerintahan sesebuah negara dikenal pasti dengan merujuk kepada beberapa elemen tertentu. Pempel (1990: 3-4 dalam Spiebel 2002) menghuraikan elemen-elemen sistem satu parti dominan berdasarkan kepada; a) bilangan parti yang dominan; b) masa memerintah yang panjang; c) mempunyai suara dominan dalam proses membentuk kerajaan; dan d) sebagai sebuah kerajaan dominan dalam proses pembentukan dasar awam. Manakala Duverger (1959) menyatakan bahawa sebuah parti dominan ialah,

“A party is dominant when it is identified with an epoch; when its doctrines, ideas, methods, its style, so to speak, coincide with those of the epoch..” (dalam Arian dan Barnes 1974).


Berdasarkan kepada definisi di atas, pada dasarnya elemen terbesar untuk mengenali sebuah parti dominan ialah menerusi masa pemerintahan yang panjang di sesebuah negara. Sejarah menunjukkan bahawa terdapat beberapa buah parti yang berkuasa bagi satu jangka masa panjang. Antara parti-parti tersebut ialah LDP di Jepun, PAP di Singapura dan Congress Party di India. Persoalannya bagaimanakah parti-parti ini dapat mengekalkan pemerintahan mereka untuk satu tempoh masa yang panjang? Apakah tidak wujud sebarang bentuk serta aktiviti kepembangangan berlaku sama ada dari dalam dan luar parti yang mampu mengambil alih tampuk pemerintahan negara?

Rajni Kothari dalam makalah bertajuk “The Congress System In India” menghuraikan secara terperinci, bagaimana Congress Party dapat menangani pergolakan politik dan seterusnya mengekalkan pemerintahan untuk satu tempoh masa yang panjang di India menerusi satu model penjelasan dikenali sebagai “Congress System” (Kothari 1964, 1974). Menerusi model “Congress System,” Kothari berpendapat bahawa India termasuk dalam salah sebuah negara yang mengamalkan

system politik sebuah parti dominan. Hal ini disebabkan oleh penguasaan berpanjangan Congress Party dalam pilihan raya di negara tersebut sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1947. Pada ketika makalah beliau diterbitkan, Congress Party sudahpun menguasai politik India hampir dua puluh tahun. Oleh itu, dalam konteks menjelaskan pergolakan politik kepartian di India, Kothari menolak analisis yang menggunakan dikotomi sistem dua parti sebagaimana terdapat di barat.

Model “Congress System” mempunyai idea berbeza dengan dikotomi sistem dua parti. Dalam model ini parti pemerintah dikenali sebagai “party of consensus” sementara “parties of pressure” merujuk kepada parti pembangkang dan sebarang badan yang menentang parti pemerintah. Selain itu model “Congress System” mengandaikan bahawa dalam sebuah negara pengamal sistem politik sebuah parti dominan, tidak mempunyai parti pembangkang seperti yang terdapat dalam sistem dua parti. Hal ini kerana parti pembangkang tidak mempunyai ciri-ciri yang dimiliki oleh parti pembangkang dalam sistem dua parti. Sebaliknya, parti pembangkang dalam sistem politik sebuah parti dominan lebih bersifat sebagai sebuah parti pendesak, protes dan tidak mampu menjadi alternatif kepada parti pemerintah. Justeru, dalam sistem politik sebuah parti dominan penguasaan kuasa politik dimiliki sepenuhnya oleh parti pemerintah.

Bagi tujuan menghuraikan hubungan antara parti pemerintah dengan parti pembangkang, Kothari menerusi model “Congress System” memperkenalkan konsep “margin of pressure”. Melalui konsep “margin of pressure” penentangan terhadap parti dominan boleh dilihat dari dua sumber iaitu dalam dan luar parti. Dari sumber dalam merujuk kepada aktiviti kepembangkangan yang dilakukan oleh beberapa kumpulan kecil dalam “party of consensus”. Sementara aktiviti kepembangkangan di luar “party of consensus” merujuk kepada aktiviti kepembangkangan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan tertentu dari luar “party of consensus”. Kumpulan-kumpulan ini boleh terdiri dari parti-parti pembangkang, NGO, persatuan-persatuan, komuniti siber dan individu-individu penting. Huraian lanjut kepada konsep “margin of pressure” dapat digambarkan menerusi rajah di bawah.



Rajah 3.2: Konsep “margin of pressure” dalam sistem satu parti dominan

A: Parti dominan (Party of Consensus)

a,b,c: puak/kumpulan dalam parti dominan

B: NGO

C: Parti-parti pembangkang

D: Persatuan-persatuan

E: Masyarakat siber/Individu-individu penting

→ Arah tekanan

Dari segi struktur “party of consensus,”(Rujuk A) keahlian parti terdiri dari pelbagai puak dan kumpulan (Rujuk a,b,c). Kumpulan ini mempunyai perbezaan dari segi asal usul, geografi, kepimpinan, dan orientasi. Hal ini menjadikan persaingan merebut jawatan dalam parti dominan menjadi sengit. Selain itu, melalui sistem penaungan (patronage) di peringkat daerah, negeri dan pusat menjadikan “party of consensus” sangat sensitif dengan persekitaran. Namun begitu, melalui pendekatan mekanisma tekanan dan kompromi dalam parti, segala perbezaan timbul di kalangan

ahli dapat diselesaikan. Pada masa yang sama perbezaan di kalangan ahli kumpulan telah menjadikan “party of consensus” lebih fleksibel, berketerampilan dan berdaya tahan. Malah pada satu tahap, sifat fleksibel “party of consensus” mampu menyerap sebarang kumpulan atau parti penentang untuk masuk ke dalam parti tersebut.

Sementara itu “parties of pressure” merujuk kepada kumpulan di luar margin “party of consensus”(Rujuk B,C,D,E). “Parties of pressure” bukanlah kumpulan yang mampu menjadi alternatif kepada “party of consensus” sebagai sebuah parti pemerintah. “Parties of pressure” terdiri dari parti pembangkang, kumpulan penentang, NGO, penentang dalam “party of consensus,” dan individu-individu penting dalam politik negara. Kumpulan ini secara berterusan berperanan sebagai pendesak, pengkritik, dan mempengaruhi kumpulan dalam “party of congress.” Biar pun begitu, sifat “parties of pressure” yang tidak bersatu dan berpecah-pecah di kalangan mereka telah memberi kelebihan kepada “party of consensus” menguasai politik negara, sekaligus menjadikan parti itu sebagai “pusat” politik kepartian negara. Hal ini disebabkan oleh identiti “parties of pressure” turut dibayangi dengan perbezaan pelbagai kumpulan, bahasa, bangsa, dan sebagainya. Akibat daripada itu “parties of pressure” hanya menguasai sebahagian kecil kawasan pilihan raya di peringkat daerah dan negeri.

Persoalan seterusnya, bagaimanakah “party of consensus” ini mengekalkan kuasa yang dimiliki? Berasaskan kepada faktor sejarah, kebanyakan “party of consensus” (dalam kes ini Congress Party di India) merupakan jelmaan gerakan mencapai kemerdekaan (gerakan sosial), tempat berkumpulnya kumpulan-kumpulan pejuang nasionalis. Oleh yang demikian, “party of consensus” sudah biasa menangani segala macam perbezaan yang wujud antara kumpulan tersebut. Sehubungan dengan itu apabila Congress Party di India diwujudkan secara rasmi pentadbiran parti sudah bersedia menangani sebarang konflik dengan mengamalkan pendekatan “consensus,” terbuka, fleksibel dan berdaya tahan. Justeru, Congress Party sentiasa mampu menyerap tekanan daripada kumpulan penentang terutama dari luar parti. Malah lebih penting

pendekatan Congress Party telah berjaya menghalang parti-parti pembangkang bersatu dan seterusnya membina satu pakatan pembangkang yang kuat.

Tidak dinafikan akibat berlakunya perpecahan dalam parti terdapat ahli dan pemimpin “party of consensus” yang keluar dari parti dan membentuk parti-parti baru. Namun begitu, pada setiap kali pilihan raya parti-parti serpihan ini tidak dapat menolak secara total polisi dan dasar “party of consensus.” Sebaliknya semua polisi dan idea-idea yang dikemukakan oleh mereka sesetengahnya mempunyai persamaan dengan “party of consensus.” Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan politik mereka masih terbawa-bawa dengan pendekatan yang pernah diamalkan semasa masih berada dalam parti dominan. Hal sedemikian berlaku kerana sesetengah dari mereka itu bertindak keluar bukanlah kerana terdapatnya jurang perbezaan dari segi ideologi dengan “party of consensus” sebaliknya hanyalah kerana perselisihan prinsip dan perspektif. Apabila terjadinya hal sedemikian secara tidak langsung memberi keuntungan kepada “party of consensus” kerana mereka (parti pembangkang) sudahpun terserap ke dalam “system party of consensus”(Kothari 1964).

Dari segi hubungan dengan parti pembangkang, “party of consensus” tidak menerima sebarang persaingan yang benar-benar dapat mengugat penguasaan kuasa dalam kerajaan pemerintah. Hal ini kerana parti-parti pembangkang gagal menyediakan sebuah parti yang benar-benar mampu dan bersedia bertindak sebagai kerajaan alternatif (*government in waiting*). Misalnya di India Congress Party sentiasa mendapat undi majoriti untuk menerajui pemerintahan negara. Hal yang sama di Jepun apabila LDP menguasai kerajaan sejak tahun 1950-an. Apa yang dapat dilakukan oleh pembangkang hanyalah bertindak sebagai kumpulan pendesak dan menggunakan pengaruh kumpulan serpihan dalam “party of consensus” untuk menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap kerajaan. Malah pemimpin-pemimpin parti pembangkang mendapati hubungan mereka dengan kumpulan serpihan dalam “party of consensus” lebih rapat berbanding dengan pengundi-pengundi. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan kegagalan parti pembangkang mendekati diri dengan pengundi-pengundi. Akibatnya banyak dasar dan polisi tidak dijelaskan dengan baik kepada

pengundi. Begitupun hal ini bukanlah sesuatu yang pelik kerana semakin mereka menjauhkan diri dengan “party of consensus,” akan menyebabkan kedudukan parti tersasar dari pusat “party of consensus” sekali gus menyebabkan parti lebih berideologi.

Hubungan antara “party of consensus” dengan pembangkang secara umumnya bersifat terbuka (openness) dan ini dapat disaksikan dalam tiga keadaan. Pertama, adanya keterbukaan tentang keahlian yang mudah direkrut tanpa adanya sebarang sekatan dari parti dominan (parti pemerintah). Aktiviti kepartian dapat dilakukan secara telus misalnya dari segi mengadakan perjumpaan, penerbitan dan perdebatan tentang sesuatu isu dapat dilakukan secara terbuka. Kedua, adanya keterbukaan dalam sistem politik di mana parti-parti politik dibenarkan wujud aktif, mencari sokongan dan terlibat dalam pilihan raya; dan ketiga, adanya keterbukaan dalam komunikasi antara “party of consensus” dengan parti pembangkang dan membenarkan komunikasi antara parti pembangkang dan kumpulan-kumpulan serpihan “party of consensus.” Ketiga-tiga keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan sistem “self-regulating” yang memanjangkan persaingan kompetitif antara “party of consensus” dengan pembangkang (Kothari 1964).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, pembentukan politik kepembangkangan dalam satu sistem sebuah parti dominan adalah berkisar kepada sifat sistem parti itu sendiri. Sifat sistem sebuah parti dominan yang tertutup menjadikan sebarang pertentangan di antara parti-parti politik tertumpu kepada sebuah parti dominan. Ini bermaksud sebuah parti dominan akan menjadi pusat kepada sebarang pertentangan yang timbul. Hal ini berlaku kerana ketiadaan sebuah parti pembangkang yang benar-benar mampu menjadi alternatif kepada parti dominan (parti pemerintah). Sebaliknya apa yang sering berlaku ialah sebarang pertentangan yang timbul antara parti pembangkang dengan parti dominan (parti pemerintah) hanyalah merupakan satu proses penyesuaian politik. Oleh sebab kedudukan parti dominan yang kukuh dari segi politik dan pentadbiran, sebarang pertentangan dari parti pembangkang dan kumpulan kecil lain telah dapat diserap dengan mudah oleh parti dominan.

## **Politik Kepembangkangan di Malaysia**

Sejak pilihan raya umum tahun 1955 hingga kini, UMNO (Barisan Nasional) telah menang dalam semua pilihan raya umum yang telah dijalankan. Dominasi parti tersebut dalam pilhan raya umum telah menjadikan sistem politik parti di Malaysia berasaskan kepada sebuah parti dominan. Justeru itu, kegiatan bangkang membangkang dalam politik di Malaysia adalah berasaskan kepada sebuah parti iaitu UMNO (Barisan Nasional). UMNO pada umumnya telah berhadapan dengan krisis pertama parti seawal pada tahun 1946, apabila Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) bertindak keluar dari UMNO akibat tidak sehaluan dalam penentuan warna bendera parti. Bagi tujuan kertas kerja ini, selain dari kes di atas, turut dibincangkan ialah kes keluarnya Dato' Onn Jaafar sebagai Yang dipertua UMNO pertama, penubuhan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Pemecatan Ultra Melayu 1969, Penentangan Tengku Razaleigh Hamzah 1987, dan Pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim 1998.

Pada 29 Jun 1946, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah menarik diri daripada bergabung dengan UMNO. Peristiwa bersejarah dalam perkembangan politik Melayu ini berlaku semasa UMNO mengadakan persidangan perwakilannya selama dua hari iaitu pada 29-30 Jun 1946, bertempat di Dewan Bandaran, Ipoh. Persidangan perwakilan UMNO ini telah dipengerusikan oleh Datuk Onn bin Jaafar dan diadakan khas bagi membincangkan undang-undang pertubuhan, bentuk dan coraknya lambang UMNO dan tentang langkah-langkah penentangan yang berkesan terhadap penubuhan Malayan Union.

PKMM telah mengemukakan bendera PKMM yang dinamakan "Sang Saka Merah Putih" sebagai lambang UMNO. Setelah pengundian dijalankan, usul PKMM telah kalah hanya satu undi daripada usul Pergerakan Melayu Semenanjung yang dipimpin oleh Dato' Onn Sendiri. Selain itu, PKMM tidak berpuas hati dengan dasar pemberian suara undi oleh sebab perwakilannya hanya diberikan dua suara undi sedangkan ahlinya beribu-beribu, manakala badan-badan gabungan yang lain ada yang mempunyai seratus atau dua ratus orang ahli sahaja. PKMM mengesyorkan supaya



peraturan mengundi ditukar dengan menambahkan wakil perunding berdasarkan jumlah ahli. Cadangan ini tidak dipersetujui oleh Datuk Onn kerana sistem itu akan melahirkan rasa tidak puas hati dan rasa kurang penting kepada badan-badan yang mempunyai ahli yang sedikit.

Usul PKMM mendapat sokongan yang tidak disangka-sangka, iaitu 49 daripada 50 undi telah mengukuhkan keyakinan PKMM untuk berjuang bersendirian dan menarik diri daripada gabungan UMNO. Penarikan diri PKMM juga disebabkan oleh perbezaan kaedah dalam mencapai kemerdekaan dan konsep kemerdekaan itu sendiri. Pemimpin-pemimpin PKMM lebih mengutamakan perjuangan Melayu Nusantara dengan membelakangkan pihak penjajah dan golongan feodal yang dituduh bertanggungjawab menyebabkan kemunduran rakyat jelata. PKMM enggan bekerjasama dan tidak bersetuju memperjuangkan kemerdekaan secara kompromi sebagaimana yang dipraktikkan oleh UMNO. Disebabkan oleh konsep dan ideologi yang berbeza, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) menarik diri daripada menjadi badan gabungan UMNO pada Jun 1946. Dengan penarikan diri PKMM itu, UMNO mula mendapat persaingan hebat dalam arena politik Melayu di Tanah Melayu.

### **Onn Jaafar Keluar UMNO 1951**

Pada bulan Januari 1946, orang Melayu berusaha dengan gigih untuk menghidupkan semula persatuan-persatuan lama dan menubuhkan persatuan baru bagi menentang Malayan Union. Dua perkara penting yang ditentang oleh orang Melayu ialah penghapusan kedaulatan sultan-sultan dan pemberian hak kerakyatan menerusi prinsip jus soli.

Satu gabungan yang dikenali sebagai Kongres Melayu Se-Malaya telah ditubuhkan di mana Dato' Onn Jaafar dilantik menjadi pengerusinya. Antara persatuan yang bergabung membentuk kongres ini ialah Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Kesatuan Melayu Kedah, Persatuan Melayu Kelantan, Kesatuan Melayu Melaka, Persatuan Melayu Negeri Sembilan, Persatuan Melayu Pahang, Perikatan Melayu Perak, Persetiaan Muslim Teluk Anson dan beberapa buah persatuan Melayu lain.

Penubuhan Kongres ini telah membawa kepada penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) rentetan daripada satu persidangan yang berlangsung di Johor Bahru pada 1946. Melalui Pekembar (United Malays National Organisation-UMNO), beberapa siri bantahan terhadap penubuhan Malayan Union telah dilakukan. Yang dipertua UMNO pertama Dato' Onn Jaafar telah berusaha menyemarakkan semangat rakyat menentang Malayan Union malah lebih daripada itu berusaha untuk mencapai pemerintahan sendiri daripada kerajaan Inggeris.

Usaha Dato' Onn Jaafar memimpin orang Melayu di bawah payung UMNO tidak lama. Pada 1950, beliau telah meletak jawatan sebagai Yang dipertua UMNO selepas gagasan pemikirannya tentang kerakyatan, keahlian UMNO dan beberapa perkara lain tidak dapat diterima oleh ahli UMNO. Perletakan jawatan oleh Dato' Onn Jaafar sebagai Yang dipertua UMNO telah diikuti oleh kebanyakan daripada anggota Jawatankuasa Kerja Pusat UMNO. Selepas itu Dato' Onn Jaafar telah menubuhkan Independence of Malaya Party (IMP).

### **Penubuhan Parti Islam Semalaysia (PAS) 1951**

Secara teknikalnya penubuhan PAS adalah daripada Biro Agama UMNO susulan daripada beberapa siri perjumpaan antara ulama Islam yang berlangsung pada penghujung tahun 1940-an dan awal 1950-an. Penubuhan PAS secara tidak langsung telah memberi satu alternatif kepada orang Melayu untuk menyalurkan sokongan kepada sebuah parti yang difikirkan dapat memperjuangkan cita rasa politik masing-masing.

Pada satu ketika sejarah asal penubuhan PAS sebagai sebuah parti politik telah menjadi perdebatan. Terdapat perdebatan tentang asal usul parti tersebut dalam kalangan ahli sejarah, pemimpin parti politik dan mereka yang berminat. Misalnya terdapat dakwaan bahawa asal parti tersebut adalah daripada runtuhannya pergerakan Hizbul Muslimin (Nabir Abdullah 1976). Manakala ada pendapat menyatakan bahawa PAS lahir daripada tulang rusuk UMNO malah pemimpinnya Ahmad Fuad Hassan

merupakan seorang tokoh UMNO yang disegani (Syed Jaafar Albar 1966). Ahmad Atory Hussain (1998) jelas menegaskan PAS sebagai sebuah parti atau organisasi lahir daripada UMNO tetapi daripada segi semangat, inspirasi dan matlamat perjuangan Islamnya telah lama wujud iaitu sejak tertubuhnya Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol, Perak.

Menurut Safiee Ibrahim (1988) penubuhan PAS berpunca daripada satu cadangan Majlis Ulama Negeri Perak yang menggesa diadakan satu persidangan alim ulama, yang kemudiannya diterima oleh UMNO. Persidangan pertama telah diadakan pada 21-22 Februari 1949 di Muar, Johor. Persidangan ini bertujuan untuk mencari jalan menumpukan segala usaha memajukan agama Islam yang kemudiannya diserahkan kepada UMNO untuk diperjuangkan. Persidangan ini dihadiri oleh 51 orang perwakilan dan 300 orang pemerhati. Semua negeri menghantar wakil masing-masing kecuali Pahang. Daripada negeri Perak, tiada seorang wakilpun yang mewakili Madrasah II-Ihya Al-Syariff, Gunung Semanggol.

Susulan daripada persidangan pertama, pada 23 Ogos 1951, para alim ulama mengadakan pertemuan kedua di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Hasil daripada persidangan kedua, satu keputusan diambil untuk menubuhkan satu badan agama dalam UMNO yang dikenali sebagai Persatuan Ulama Se-Tanah Melayu. Badan ini diketuai oleh Ahmad Fuad Hassan yang ketika itu menjadi ketua Jabatan Agama Islam UMNO. Pada 24 November 1951, pertemuan ketiga alim ulama telah diadakan di Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang. Persidangan kali ketiga ini telah menarik minat penyertaan daripada golongan aktivis Hizbul Muslimin berikutan ura-ura yang menyatakan perlunya persatuan ulama bebas daripada sebarang ikatan parti politik atau menjadi sebuah parti politik yang bebas daripada UMNO. Diberitakan sebelum persidangan dijangka berlangsung, beberapa pertemuan antara ulama-ulama UMNO dan aktivis Hizbul Muslimin telah berlaku secara tersembunyi. Tujuan perjumpaan antara lain adalah untuk menyatukan ulama dalam satu organisasi untuk memberi bimbingan kepada negara ke arah cita-cita Islam supaya UMNO tidak berpandu kepada fahaman kebangsaan semata-mata (Safie Ibrahim 1988).

Persidangan ketiga ini hanya mempunyai tiga agenda sahaja iaitu pertama, membaca dan membentang undang-undang; kedua, mengesahkan undang-undang; dan ketiga, melantik pegawai yang terdiri daripada seorang yang dipertua, seorang timbalan yang dipertua, tiga naib ketua untuk bahagian utara, tengah dan selatan, seorang setiausaha, seorang bendahari dan enam orang ahli jawatankuasa. Melalui persidangan ketiga, ahli persidangan bersetuju menukar nama Persatuan Ulama Se-Tanah Melayu kepada Parti Islam Se-Tanah Melayu (Ruslan 2003). Ahmad Fuad Hassan pada ketika itu sudah menjadi ahli Independence of Malaya Party (IMP) dipilih sebagai Yang Dipertua Agung pertama manakala Ghazali Abdullah, wakil UMNO bahagian Perak dipilih sebagai Timbalan yang Dipertua (Safie Ibrahim 1988).

Walaupun nama Persatuan Ulama Se-Tanah Melayu telah ditukar kepada Parti Islam Se-Malaya (PAS), kedudukan badan itu masih kekal sebagai sebuah pergerakan yang bercorak agama dan kebajikan Islam dengan membenarkan ahlinya menyokong mana-mana parti politik. Malah pada ketika hendak memilih anggota pimpinan PAS, majoriti mereka yang menganjurkan persidangan itu masih menjadi ahli UMNO dan IMP. Pada tahun 1954, PAS telah mengubah dasar keahlian parti dengan tidak membenarkan ahlinya menyokong mana-mana parti politik. Menjelang 31 Mei 1955, Pas memutuskan untuk menjadi sebuah parti politik sebagai membantah tindakan UMNO memberi konsensi kepada orang bukan Melayu. Keputusan ini dibuat untuk membolehkan PAS berjuang melindungi hak orang Melayu (Pillay 1974:191-192).

Akibat Peristiwa 13 Mei 1969, darurat telah diisytiharkan di Tanah Melayu dan MAGERAN telah ditubuhkan bagi tujuan mentadbir negara dalam bentuk semi tentera. MAGERAN ditubuhkan dengan tujuan menyusun semula masyarakat dan mengagihkan sumber ekonomi secara seimbang antara kaum. Di samping itu MAGERAN menumpukan kepada kepentingan ekonomi orang Melayu dan memelihara kedudukan istimewa mereka tidak tergugat.

PAS tertarik dengan tujuan penubuhan MAGERAN dan atas dasar itu mereka sanggup berkerjasama dengan kerajaan perikatan. Pada tahun 1974, PAS terlibat dengan kerajaan campuran di Kelantan dan menjadi anggota BN sebuah gabungan parti baharu yang diusahakan oleh Tun Abdul Razak. Penubuhan BN juga ada kaitan untuk kerajaan perikatan mendapatkan kerjasama daripada parti-parti politik di Sabah dan Sarawak. Selain itu tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969 telah mendorong PAS menganggotai BN kerana mementingkan keharmonian negara dan kepentingan orang Melayu. Kemasukan PAS ke dalam BN menyaksikan Presiden PAS Dato' Mohd Asri Muda dilantik sebagai menteri kabinet. Sementara itu jawatan Menteri Besar Kelantan disandang oleh Dato' Muhamad Nasir. Walaupun PAS sudah menjadi ahli BN, beberapa masalah timbul antara parti itu dengan UMNO. PAS yang selalu menekankan perjuangan berteraskan Islam melihat UMNO sebagai parti yang "kafir." PAS juga tidak bersetuju dengan perantikan Dato' Muhamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan.

Susulan daripada itu Jawatankuasa Kerja PAS telah mengisytiharkan undi tidak percaya sebanyak dua kali kepada Dato' Muhamad Nasir. Pada 29 September 1977, Dato' Muhamad Nasir dipecat daripada PAS. Pada 10 Oktober 1977, undi tidak percaya dibuat dalam Dewan Undangan Negeri terhadap Menteri Besar. Tindakan ini disambut dengan demonstrasi menyokong Dato' Muhamad Nasir yang akhirnya menyebabkan UMNO terpaksa campur tangan. Dr. Mahathir selaku Timbalan Perdana Menteri memberi cadangan untuk mengadakan pentadbiran ala MAGERAN di Kelantan dan perlembagaan negeri digantung. Bagaimanapun PAS menolak cadangan tersebut.

Pada 6 November 1977, Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia mengemukakan satu akta rang undang-undang di parlimen bagi megisytiharkan darurat di Kelantan. Jawatankuasa Kerja PAS menolak akta tersebut dan memutuskan semua menteri dan Setiausaha Parlimen PAS meletakkan jawatan masing-masing. Dalam perbahasan tentang akta tersebut di parlimen, Dato' Asri Muda menolak akta tersebut, bagaimanapun akta itu tetap diterima sebagai Akta Darurat di Kelantan. Tindakan

Dato' Asri Muda membantah akta tersebut menyebabkan dia dikenakan tindakan disiplin oleh Jawatankuasa Pusat BN. Pada 8 Disember 1977, UMNO mencadangkan PAS dipecat daripada BN kerana kegagalannya memecat Dato' Asri Muda. Pada 13 Disember 1977, BN memecat PAS. Dengan itu tamatlah kerjasama PAS dengan kerajaan Persekutuan di Kelantan.

Pada Pilihan raya Umum 1978, PAS telah kembali menjadi pembangkang kepada kerajaan BN. Bagaimanapun dalam Pilihan raya Umum 1978 itu, PAS menerima kekalahan teruk sehingga Kelantan terlepas daripada tangan PAS. Pada tahun 1982, kepimpinan Dato' Asri Muda mula diragui oleh penyokong PAS sehingga beliau terpaksa meletakkan jawatan sebagai Presiden PAS. Selanjutnya Dato' Asri Muda mengumumkan menarik diri daripada menjadi anggota PAS dan beliau bertindak menubuhkan parti baru yang dikenali sebagai HAMIM.

### **Pemecatan Ultra Melayu 1969**

Kejadian pada 13 Mei 1969, telah mengoncoang pemerintahan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Malaysia. Di Kuala Lumpur hubungan antara kaum Melayu dan Cina telah menjadi tegang. Datuk Harun Idris telah menggerakkan sekumpulan pemuda yang dikenali "Pemuda-pemuda Tahan Lasak" berarak di sekitar Kampung Baru bertujuan menunjukkan kekuatan orang Melayu kepada orang-orang Cina. Pada 11 dan 12 Mei 1969, penyokong-penyokong parti pembangkang turut berarak di sekitar Kuala Lumpur seolah-olah merayakan kemenangan dalam pilihan raya umum 1969.

Pada 14 Mei 1969, Yang di-pertuan Agong mengisytiharkan darurat di seluruh negara dan parlimen serta perlembagaan digantung. Kerajaan Perikatan telah menubuhkan MAGERAN untuk mengendalikan kerajaan dalam keadaan darurat. Sebagai gantian kepada parlimen, sebuah Majlis Perundangan Negara ditubuhkan dan Tun Razak dipilih sebagai pengarah operasi. Majlis Perundangan Negara ini turut dianggotai wakil-wakil daripada semua parti politik, kecuali Democratic Action Party

(DAP) yang enggan menyertai. semua parti pembangkang seperti PAS, Gerakan dan Parti Progresif Rakyat hadir menghantar wakil (Zainal Abidin 1996).

Sebelum berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969, beberapa perkembangan politik telah berlaku di Tanah Melayu. Sejak selesainya Pilihan raya Umum 1964, keadaan politik negara tidaklah begitu tenteram. Isu-isu perkauman yang pernah dibangkitkan oleh PAP telah diteruskan oleh DAP. Antara isu yang menjadi perdebatan antara kaum itu ialah cadangan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, penubuhan Universiti Merdeka, isu bahasa kebangsaan, kedudukan ekonomi bumiputera, dan kemiskinan dalam kalangan penduduk Melayu di luar bandar. Isu-isu di atas telah dibincangkan secara terbuka dan tuduh-menuduh antara kaum berjalan tanpa adanya sebarang sekatan. Antara mereka yang menjadi juara suara orang-orang Melayu ialah Syed Jaafar Albar, Syed Nasir, Harun Idris, Musa Hitam, Abdullah Ahmad dan Dr. Mahathir. Lee Kuan Yew pemimpin parti PAP menyifatkan mereka ini sebagai “Ultra Melayu.”

Pemimpin-pemimpin yang digelar “Ultra” ini bukan sahaja membela nasib orang Melayu, mengkritik pemimpin Cina malah Tunku Abdul Rahman turut menjadi mangsa kritikan. Dr.Mahathir menuduh Tunku Abdul Rahman terlalu berlembut dengan tuntutan orang Cina sehingga berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969. Pada 17 Jun 1969, Dr.Mahathir telah menulis sepucuk surat kepada Tunku Abdul Rahman melahirkan perasaan tidak puas hati dengan gaya pemerintahan Tunku. Antaranya ialah cara Tunku menangani permasalahan orang Melayu sehingga berlakunya ketegangan kaum Melayu dan Cina.

Surat Dr. Mahathir telah “terbocor” dan disalin serta disebarikan secara meluas. Akibatnya Tunku berpendapat Dr. Mahathir harus keluar daripada Majlis Tertinggi UMNO dan dipecat daripada menjadi ahli parti (Milne, 1982). Pada 12 Julai 1969, Dr.Mahathir telah dipecat daripada menjadi ahli UMNO. Bersama-sama beliau ialah Musa Hitam yang turut dipecat pada 28 Julai 1969.

### **Penentangan Tengku Razaleigh Hamzah 1987**

Pemilihan Majlis Tertinggi UMNO 1987, memperlihatkan kelainan daripada pemilihan-pemilihan yang telah berlaku pada sebelumnya. Persaingan antara Dr.Mahathir selaku presiden dan Tengku Razaleigh Hamzah telah menyebabkan sokongan ahli UMNO berpecah kepada dua kumpulan iaitu masing-masing kepada Dr.Mahathir dan Tengku Razaleigh Hamzah. Walaupun pada akhirnya Dr.Mahathir memenangi persaingan tersebut namun sejarah UMNO telah tercalar apabila parti tersebut diharamkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pengharaman UMNO menyaksikan penubuhan dua parti baru bagi meneruskan perjuangan orang-orang Melayu iaitu UMNO (Baru) dan parti Semangat 46 yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Bermulanya krisis UMNO 1987, berakar umbi dengan peristiwa perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO antara Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah. Konflik ini, menjadi krisis terbuka apabila Musa Hitam menghantar surat meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada 26 Februari 1986 (In-Won Hwang, 2003; A.Nazri Abdullah, 1996). Surat Musa Hitam setebal tujuh halaman itu menerangkan sebab-sebab beliau meletakkan jawatan yang berkuatkuasa pada 16 Mac 1986. Surat itu juga dibuat salinan dan diedarkan kepada semua ahli Majlis Tertinggi UMNO. Surat Musa Hitam telah mengejutkan banyak pihak yang sebelum ini percaya kepada kombinasi “2M.” Bagaimanapun bagi penganalisa dan pemerhati politik, surat Musa Hitam bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Hal ini kerana telah tersebar khabar angin yang menyatakan wujudnya perbezaan pendapat antara keduanya. Dalam surat itu juga Musa Hitam menegaskan sepanjang menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau ada mempersoalkan beberapa dasar dan cara pelaksanaan dasar kerajaan Dr.Mahathir.

Dr.Mahathir menangani permasalahan jawatan Timbalan Perdana Menteri dengan melantik Ghaffar Baba. Perlantikan Ghaffar Baba yang terkenal setia dengan perjuangan dan tradisi parti telah menolak sama sekali perhitungan politik Musa Hitam. Musa Hitam sangat berharap agar Anwar Ibrahim akan dilantik menggantikan tempat



beliau dengan harapan ia akan memudahkan kerjasama beliau dengan Tengku Razaleigh menentang Dr.Mahathir. Perlantikan Ghaffar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri tidak sepenuhnya mengagalkan cita-cita politik Musa Hitam. Walaupun pada satu ketika pelantikan tersebut berjaya meredakan keadaan politik parti namun ia hanya bersifat sementara. Perhimpunan Agung UMNO 1987 menyaksikan persaingan sengit merebut jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan Majlis Tertinggi. Seperti yang dijangka, Musa Hitam telah berpakat dengan Tengku Razaleigh menentang barisan kepimpinan UMNO yang diterajui oleh Dr.Mahathir.

Keputusan pemilihan menyebelahi pakatan Dr.Mahathir-Ghaffar Baba. Dr.Mahathir yang mendapat 89 pencalonan bahagian UMNO bagi mempertahankan jawatannya, telah menang dengan majoriti 43 undi. Tengku Razaleigh hanya mendapat 718 undi berbanding Dr.Mahathir yang memperoleh undi sebanyak 761. Sementara itu Ghaffar Baba telah menang dengan kelebihan 40 undi mengalahkan Musa Hitam yang hanya berjaya memperoleh 699 undi. Beberapa hari selepas pemilihan UMNO 1987, dua pemimpin utama dalam “Team B” telah meletak jawatan sebagai menteri. Tengku Razaleigh Hamzah bersama Rais Yatim meletak jawatan pada 29 April 1987 atas alasan tidak dapat lagi berkerjasama dengan kepimpinan yang diterajui oleh Dr.Mahathir. Pada 30 April 1987 Dr.Mahathir telah membuat rombakan kabinet dan seperti dijangka mereka yang menyokong “Team B” dilucutkan daripada jawatan masing-masing.

Kegagalan pakatan Tengku Razaleigh Hamzah menubuhkan UMNO Malaysia tidak menghalang usaha mereka menubuhkan sebuah parti yang dapat menyaingi UMNO (Baru) pimpinan Dr.Mahathir. Beberapa orang penyokong Harun Idris merancang supaya sebuah parti yang menyamai UMNO lama harus ditubuhkan lantaran keengganan pihak berkuasa menerima pendaftaran UMNO Malaysia. Justeru, pada 5 Mei 1989 sebuah parti baru bernama Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46) ditubuhkan. Tengku Razaleigh Hamzah telah dipilih sebagai presiden manakala Rais Yatim dilantik sebagai timbalan presiden. Tujuan utama Semangat 46 ditubuhkan ialah bagi memulihkan UMNO asal yang mati di tangan Mahkamah (Rais 2004: 523).

Parti Melayu Semangat 46 buat kali pertama menyertai pilihan raya umum pada tahun 1990. Sebelum itu pada 1989, Semangat 46 telah menyertai dua pakatan kerjasama dengan parti-parti pembangkang seperti PAS, DAP, Parti Rakyat Malaysia dan Barisan Progresif India (IPF). Dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU), Semangat 46 telah berkerjasama dengan parti PAS, BERJASA dan HAMIM. Sementara dalam pakatan Gagasan Rakyat, mereka berkerjasama dengan DAP, Parti Bersatu Sabah (PBS), dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Dalam Pilihan raya Umum 1990, parti Semangat 46 bersama-sama APU telah menyapu bersih semua 39 buah kerusi Dewan Undangan Negeri dan 13 kerusi Parlimen. Di Kelantan parti Semangat 46 telah menang satu kerusi Parlimen dan dua kerusi Dewan Undangan Negeri Terengganu dan satu kerusi masing-masing di Pahang dan Johor. Bagaimanapun semua calon Semangat 46 yang bertanding di luar Kelantan telah kalah. Pada Pilihan raya Umum 1995, parti Semangat 46 telah meletakkan 65 orang calon untuk bertanding pada peringkat Parlimen dan pada peringkat Dewan Undangan Negeri, seramai 130 orang calon di seluruh negara. Daripada 65 orang calon yang bertanding di kerusi Parlimen, parti Semangat 46 hanya menang 6 kerusi dan pada peringkat Dewan Undangan Negeri mereka memperoleh sejumlah 12 kerusi dan kesemuanya di Kelantan (Research and Information Services NSTP 1999).

Pertengahan 1995, hubungan antara parti Semangat 46 dan PAS di Kelantan menjadi keruh apabila timbul dakwaan bahawa PAS tidak bersungguh-sungguh membantu Tengku Razaleigh Hamzah dalam pilihan raya kecil Gua Musang. Pada 2 Januari 1996, parti Semangat 46 telah memboikot majlis angkat sumpah Majlis Perbandaran Kota Baru atas alasan tidak berpuas hati dengan pengagihan kerusi ahli Majlis. Tindakan PAS menghantar cadangan untuk mengurangkan campur tangan Sultan Kelantan dalam urusan politik negeri turut sama ditentang Semangat 46.

Setelah berlaku beberapa “ketegangan” dalam hubungan kedua-dua parti itu di Kelantan, timbul khabar angin menyatakan parti Semangat 46 akan dibubarkan dan ahlinya akan kembali ke pangkuan UMNO. Pada April 1996, Dr.Mahathir

mengesahkan beliau ada berjumpa dengan Tengku Razaleigh berkait dengan pembubaran parti Semangat 46 dan penyertaan mereka ke dalam UMNO. Beberapa siri pertemuan telah berlangsung antara kedua-dua pemimpin. Pada 6 Oktober 1996, melalui mesyuarat khas di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur, parti Semangat 46 telah dibubarkan dengan rasminya (Rais 2004:550). Usul pembubaran parti telah dibentangkan oleh Rais Yatim selaku Timbalan Presiden dan telah diterima oleh mesyuarat. Penerimaan usul yang dibentangkan itu sekaligus mengesahkan pembubaran parti Semangat 46 dan menamatkan perjuangan mereka selama tujuh tahun sebagai parti pembangkang di Malaysia.

### **Pemecatan Anwar Ibrahim 1998**

Pada 2 September 1998, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dipecat daripada jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Pada hari berikutnya beliau turut disingkir daripada jawatan Timbalan Presiden dan ahli UMNO. Pemecatan Anwar telah membawa UMNO ke dalam krisis yang besar pada dekad 1990-an. Tindakan ini juga menjadi krisis kedua terbesar dalam karier Dr. Mahathir sebagai presiden parti sejak peristiwa pepecahan UMNO 1987.

Pemecatan Anwar telah mengubah lanskap politik negara dan kesannya tidak hanya diterima oleh UMNO tetapi melebar ke atas semua parti politik di Malaysia. Perjalanan politik Anwar menapak hierarki kepimpinan UMNO bergerak dengan cepat. Pada tahun 1982 beliau memenangi jawatan Ketua Pemuda UMNO dan dilantik menduduki jawatan Naib Presiden UMNO secara “ex-officio”. Pada tahun berikutnya beliau dilantik sebagai menteri penuh. Pada tahun 1987, beliau memenangi salah satu jawatan Naib Presiden UMNO. Manakala pada tahun 1993 beliau menang tanpa bertanding jawatan Timbalan Presiden setelah penyandang Ghaffar Baba (Allahyarham Tun) menarik diri daripada mempertahankan jawatannya.

Kemaraan Anwar dalam politik UMNO telah menimbulkan perasaan iri hati dalam kalangan segelintir pemimpin UMNO. Mereka berpendapat Anwar telah dilayan

dengan begitu istimewa oleh Dr.Mahathir. Bagi mereka Anwar berjaya menggunakan kedudukan “istimewa” di sisi Dr.Mahathir dengan membawa masuk beberapa elemen yang dikatakan bertentangan dengan sentiment golongan “establishment” dalam UMNO. Melalui Pergerakan Pemuda yang dipimpinnya sebelum itu dan sebagai Naib Presiden, budaya Angkatan Belia Islam (ABIM) yang dipimpinnya kian meresap ke dalam UMNO. UMNO sudah diserap oleh budaya atau sistem kader (cadre). Anwar melalui pengalaman politik kampus dan ABIM sibuk mewujudkan sel-sel dalam dan di luar kerajaan. Orang-orang ABIM mula mendapat tempat didalam UMNO. Kedudukan strategik dalam parti dan kerajaan mula diisi oleh orang-orang beliau. Beberapa pemimpin UMNO seperti Tengku Razaleigh, Musa Hitam, Rais Yatim, Shahrir Samad, Abdullah Ahmad Badawi, Marina Yusof, Zainal Abidin Zin dan Syed Hamid Albar sering merasa tersisih daripada arus yang dibawa oleh Anwar (Rais Yatim 2004:506-509).

Kemuncak kepada krisis Anwar dan Dr.Mahathir berlaku pada 2 September 1998. Bagaimanapun sebelum tarikh itu, pertentangan antara kedua-duanya telahpun berlaku. Misalnya pada Perhimpunan Agung UMNO 1995 dan semasa lawatan Dr.Mahathir ke luar negara pada Julai hingga Ogos 1997. Telah tersebar khabar angin menyatakan bahawa sudah tiba masanya kedudukan Dr.Mahathir sebagai Perdana Menteri perlu diganti oleh Anwar. Khabar angin ini dikatakan disebar oleh penyokong Anwar dan juga golongan yang ingin mengambil kesempatan di pasaran saham Malaysia. Walaupun khabar angin ini dinafikan oleh kedua-dua pemimpin, namun beberapa peristiwa seperti cara penyelesaian kepada masalah Al-Arqam dan isu penggantian Ketua Menteri oleh Dr.Mahathir tampak kurang disenangi oleh Anwar (Milne 1999). Anwar turut tidak menyenangi hubungan baik Dr.Mahathir dan Daim selaku penasihat ekonomi dan Bendahari UMNO khususnya dalam soal projek empangan Bakun.

Pada 2 September 1998, Anwar Ibrahim telah dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan selepas beliau menolak gesaan Dr.Mahathir supaya meletakkan jawatan. Pada hari berikutnya menerusi mesyuarat tergepang Majlis

Tertinggi, Anwar Ibrahim telah disingkirkan daripada jawatan Timbalan Presiden dan ahli UMNO (Jasson 2001; Syed Husin 2004). Reaksi kepada gerakan Reformasi dan penahanan Anwar Ibrahim di bawah ISA, beberapa buah parti pembangkang dan NGO telah bertindak untuk mengadakan mesyuarat tergepar di bawah satu pertubuhan bernama GAGASAN pada 27 September 1999. Tujuan perjumpaan itu adalah untuk membincangkan krisis ekonomi dan keadaan demokrasi yang sedang berlaku dalam politik Malaysia ketika itu.

PAS telah memberi reaksi dengan memanggil semua parti pembangkang dan beberapa NGO untuk hadir dalam satu perjumpaan pada 22 September di Kuala Lumpur. Tujuan perjumpaan adalah untuk mewujudkan persefahaman bersama dalam kalangan mereka tentang isu penahanan di bawah ISA. Hasil daripada perjumpaan tersebut satu pertubuhan baru dikenali sebagai GERAK ditubuhkan untuk memperjuangkan keadilan bagi mereka yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) (Syed Husin 2001). Di satu peringkat lain, gerakan reformasi turut bergerak dalam bentuk pengedaran berita bertulis seperti penerbitan akhbar dan buku-buku. Pengedaran akhbar rasmi PAS iaitu *Harakah* telah bertambah daripada 70 000 ke 300 000 keping pada setiap keluaran. Di samping itu beberapa majalah dan akhbar baru diterbitkan seperti *Tamadun*, *Detik*, *Wasilah* dan *Eksklusif*. Melalui ruangan-ruangan akhbar dan majalah ini, berbagai-bagai kritikan, pendapat, analisis dan komen tentang *Reformasi* dan politik semasa telah ditulis. Suasana politik Malaysia turut gempar apabila Sastrawan Negara Dr.Shannon Ahmad menerbitkan novel *SHIT* yang melemparkan kritikan kepada kepincangan sistem pemerintahan dan kehakiman negara (Khoo 2000).

Para penyokong *Reformasi* turut menggunakan alam siber dengan melancarkan laman web yang memberi liputan ke atas berita-berita gerakan *Reformasi*. Turut sama berbuat demikian ialah beberapa parti pembangkang, NGO dan individu-individu tertentu. Melalui laman web ini mereka akan memberi berita terkini tentang kes Anwar Ibrahim, gerakan-gerakan *Reformasi* dan berbagai-bagai berita berkait dengan pergolakan politik semasa. Antara laman web yang terkenal ialah *Laman Reformasi*,

*Jiwa Merdeka, Anwar Online, Reformasi Diary, The Malaysian, Mahazalim dan Mahafiraun.* Laman-laman web ini diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan Malaysia.

Menghadapi Pilihan raya Umum 1999, barisan parti-parti pembangkang dan beberapa NGO telah bersetuju berkerjasama menubuhkan “Barisan Alternatif”(BA). Pilihan raya Umum 1999 menyaksikan sokongan kepada BA adalah sangat baik. Walaupun BN berjaya mengekalkan majoriti 2/3 dengan memenangi 148 kerusi parlimen, namun BN menerima tamparan hebat apabila BN Terengganu kalah dengan teruk kepada PAS. Di Terengganu PAS mendapat 28 kerusi Dewan Undangan Negeri dan menguasai ke semua lapan kerusi Parlimen. Di Kedah, PAS memperoleh 12 kerusi Dewan Undangan Negeri dan BN 24 kerusi. Dalam Pilihan raya Umum 1995, PAS hanya memperoleh dua kerusi Dewan Undangan Negeri. Bagi kerusi Parlimen, Pilihan raya Umum 1999, PAS memperoleh lapan kerusi berbanding BN dengan hanya satu kerusi sahaja. Berbanding dalam pilihan raya umum sebelumnya, BN menyapu bersih kesemua kerusi Parlimen. Pada umumnya BA menerusi parti PAS berjaya mengugat penguasaan BN terutama di negeri Terengganu dan Kedah di samping mengekalkan penguasaan mereka di Kelantan.

Penyertaan BA dalam Pilihan raya Umum Ke 10, telah memberi kesan kepada corak politik Melayu di Malaysia. Sokongan orang Melayu terhadap UMNO berkurangan berbanding yang diterima dalam pilihan raya umum sebelumnya. Gerakan Reformasi Anwar Ibrahim berjaya mempengaruhi pemikiran orang Melayu untuk mereka menilai semula sokongan kepada perjuangan UMNO sekurang-kurangnya dalam Pilihan raya Umum ke 10. Kesannya UMNO hanya mampu mempertahankan 72 kerusi Parlimen daripada 104 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Malah bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), daripada 275 kerusi yang dipertandingkan, hanya 175 yang berjaya dimiliki oleh UMNO. Hal ini bermakna, parti itu kehilangan 32 kerusi Parlimen dan 100 kerusi DUN (Massa, Disember 1999).

## **Kesimpulan**

Perbincangan politik seringkali berlaku di kalangan penganalisis, individu, ahli akademik malah orang awam. Masing-masing membuat pandangan berdasarkan kepada alat analisis sendiri. Namun begitu, kebanyakan analisis dilakukan berdasarkan kepada pendekatan Barat. Hal ini berlaku berkemungkinan disebabkan oleh pengaruh pendidikan yang diterima oleh seorang penganalisis. Di Malaysia, perkara ini sering berlaku dan seakan sudah diterima secara umum. Bagaimanapun, ramai yang tidak menyedari bahawa kebanyakan analisis politik yang dilakukan kurang tepat dengan mengandaikan politik Malaysia sama seperti yang terdapat di Barat. Justeru itu, banyak hasil analisis (terutama dalam membincangkan krisis di antara pemerintah dan pembangkang) mengelirukan dan gagal memberi gambaran sebenar senario politik Malaysia.

Kertas ini jelas menunjukkan perbezaan di antara dua sistem politik akan menghasilkan dua analisis yang berbeza. Ternyata di Malaysia apa yang berlaku adalah politik kepembangkangan dan bukanlah aktiviti bangkang membangkang sebagaimana yang terdapat di Barat. Bukti jelas menunjukkan bahawa sejak merdeka majoriti aktiviti bangkang membangkang yang berlaku di antara parti-parti politik lebih menjerus dan berkisar kepada sebuah parti dominan iaitu UMNO (Barisan Nasional). Justeru itu, perkataan yang lebih tepat untuk menggambarkan krisis politik di Malaysia ialah politik kepembangkangan.

## Rujukan

- Ahmad Atory Hussein. 1998. *Dari berantakan menuju pembangunan (Politik Melayu 1990-2000)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Duverger, M. 1959. *Political parties: their organization and activity in the modern state*. Ed. Ke-2. London: Methuen & Co.
- Hershey, M. R. 2005. *Party politics in America*. New York: Longman.
- Kapur, A.C. 1995. *Principles of political science*. New Delhi: S.Chand & Company Ltd.
- Khoo Boo Teik. 2000. The Malaysian general election of 29 November 1999. *Australian Journal of Political Science* **35**(2): 305-311.
- Kothari, R. 1964. The Congress 'System' in India. *Asian Survey* **4** (12):1161 – 1173.
- Kothari, R. 1974. The Congress System revisited: a decennial review. *Asian Survey* **14** (12): 1035 – 1054.
- Lipson, L. 1953. The two-party system in British politics. *The American Political Science Review* **47**(2): 337-358.
- Massa, 1999. Disember.
- Milne, R.S. & Diane K. Mauzy. 1982. *Politik dan kerajaan di Malaysia*. Terj. Abd Rauf dan Ramlah Muhamad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nabir Abdullah. 1976. *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1959*. Bangi: Jabatan Sejarah, UKM.
- Pillay, Chandrasekaran, 1974. Protection of Malay community: a study of UMNO's position and opposition attitudes. Tesis Sarjana Sains Sosial. Universiti Sains Malaysia.
- Rais Yatim. 2004. *Jelebak-jelebuk*. Kuala Lumpur: DTP Enterprise Sdn Bhd.
- Research and Information Services. 1999. *Elections in Malaysia: a handbook of facts and figures on the elections 1955-1995*. Kuala Lumpur: NSTP.
- Ruslan Zainuddin. 2003. *Sejarah Malaysia*. Ed. ke-2. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Safie Ibrahim. 1988. Detik-detik sejarah penubuhan Parti Islam Se Malaysia (PAS). Dlm. Nik Hassan Shuhaimi *et al.* *Malaysia: sejarah dan proses pemantapan negara bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Shamsul A.B. 2008. Pembangkang dan "Kepembangkangan". *Dewan Masyarakat*. Edisi khas : 8 –10.
- Syed Husin Ali. 2001. The changing faces of politics and repression in Malaysia. *Inter-Asia Cultural Studies* **2**(1):115-126.
- Syed Jaafar Albar. 1966. *Sa-layang pandang sejarah perjuangan UMNO 20 Tahun*. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat UMNO
- Tesaurus bahasa Melayu Dewan. 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Wahid *et.al.* 1996. *Malaysia: warisan dan perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



